



RASULULLAH S.A.W.: PANUTAN AGONG



Dalam segala segi kehidupan Rasulullah adalah anutan (ikutan) dan panutan (contoh) yang terbaik (uswatan hasanah), terutama dalam meraih hidup yang tenteram dan bahagia. Seluruh kehidupan Rasulullah adalah untuk diteladani, kehidupan yang penuh dengan hikmah dan kebijaksanaan.

Dalam kehidupan seharian, Rasulullah SAW menunjukkan makna kehidupan wasatiyyah; Bersederhana dalam erti tegas dengan prinsip-prinsip menegakkan kebenaran dan keadilan, berusaha untuk mencapai kecemerlangan, dan memilih jalur pertengahan dalam idealisme, aktivisme dan spiritualisme.



Sebelum Nabi Muhammad lahir, kehidupan masyarakat Mekah adalah kehidupan masyarakat jahiliyah, yang sama sekali tidak manusiawi. Akhirnya masyarakat yang jahiliyah tersebut berubah secara fenomenal menjadi masyarakat tauhid, penegak kebenaran, serta berkeperibadian luhur: Diiktiraf Tuhan sebagai the best generation, (khaira ummah), generasi Rabbani.

Perubahan yang dibawa Rasulullah itu adalah perubahan sistemik yang mendasar; Bukan bersifat kosmetik atau bersifat musiman, mahupun ritual dan seremonial. Keberanian melakukan perubahan dengan sepenuh hati itu tidak lain dan tidak bukan, adalah semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah taala.

Masyarakat ditata kembali selari dengan nilai-nilai kemanusiaan yang saling memerlukan, saling tolong-menolong, dan saling hormat menghormati sebagai makhluk Allah yang sama-sama mempunyai kelebihan di samping sama-sama mempunyai kekurangan. Karakter ini meraikan kepelbagaian yang menjadi rencam manusiawi, yang mana baginda Rasulullah SAW amat memahaminya. Jelasnya, Rasulullah SAW sememangnya panutan yang memaknakan Islam yang Rahmah ke seluruh alam.

Dalam menghadapi cabaran bencana Covid-19 yang melanda seluruh dunia, nilai kemanusiaan yang mana kita panuti daripada baginda Rasulullah yang agung, perlu diangkat khususnya ketika kita memperingati kelahiran Baginda Muhammad SAW.

Salam maulid Rasul 1442H

Radin Muhd Imaduddin bin Radin Abdul Halim
Pengerusi
Yayasan Takmir Pendidikan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertujuan memutuskan rantaian jangkitan wabak COVID-19. Ia inisiatif terbaik dengan mengambil contoh negara-negara yang berjaya mengawal penularannya seperti Korea Selatan dan China walaupun ia melaksanakannya dengan lebih ketat.

PKP telah menimbulkan implikasi terhadap kehidupan kita di antaranya:-

1. Implikasi Terhadap Keselamatan Makanan.

Jumlah pengeluaran hasil pertanian sepanjang PKP adalah berkurangan, walaupun penggunaan pekerja di ladang tidak disekat, namun kebanyakan pekerja tidak mahu mengambil risiko bekerja seperti biasa. Begitu juga hasil pertanian yang diimport juga menurun kerana negara-negara pengeksport utama makanan kita juga menghadapi wabak COVID-19. Buat masa ini pembekalan makanan di negara kita tidak begitu terkesan tetapi jika wabak COVID-19 ini terus berlanjutan pembekalan makanan negara akan terjejas dimana barang makanan akan berkurangan dan akan mengalami kenaikan harga.

2. Implikasi Terhadap Kesejahteraan Mental.

Tidak dinafikan PKP ini boleh menyebabkan golongan tertentu mengalami gangguan mental. Di antaranya terdapat golongan pekerja yang terpaksa cuti panjang dan hilang pekerjaan seperti dalam sektor pelancongan, perhotelan, pengangkutan/penerbangan, perkilangan, katering dan sebagainya. Sementara itu bagi golongan pelajar merasa bimbang kerana kekurangan peluang pekerjaan setelah mereka menamatkan pengajian.

3. Implikasi Terhadap Ekonomi Negara.

Pelaksanaan PKP memang memberi kesan negatif terhadap perkembangan ekonomi negara. Di antara petunjuk terhadap kesihatan ekonomi sesebuah negara ialah Indeks Pelopor(IP) atau leading Index. IP menunjukkan kadar pertumbuhan dan kitaran perniagaan tempatan. Berdasarkan laporan terkini Jabatan Perangkaan Malaysia, IP ekonomi negara kita telah merosot kepada negatif 5.5% kerana kesan PKP.

4. Implikasi Kepada Sektor Pendidikan.

Dengan berkuatkuasanya PKP, sektor Pendidikan daripada pra sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi amatlah terjejas di mana kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan sebagaimana biasa. Mereka tidak dibenarkan datang ke sekolah sebaliknya duduk di rumah dan belajar melalui atas talian. Bagi pelajar-pelajar peringkat menengah dan peringkat pengajian tinggi, belajar melalui atas talian tidak begitu bermasalah asalkan capaian internet boleh didapati. Bagi pelajar pra sekolah dan sekolah rendah selain daripada tahap capaian internet, mereka sangat bergantung kepada bantuan dan komitmen ibu bapa masing-masing. Secara amnya masalah utama yang dihadapi dalam sektor pendidikan yang mana PdP dilaksanakan secara atas talian ialah tahap capaian internet. Ini kerana liputan capaian internet belum menyeluruh di negara kita terutama bagi kawasan luar bandar. Justru golongan pelajar luar bandar kebanyakannya tidak dapat mengikuti pembelajaran melalui atas talian. Akibatnya mereka tidak belajar secara sempurna sepanjang PKP dan mereka akan ketinggalan dalam pelajaran.

Hj. Samian Mohd Ali



PENDIDIKAN KOMPETENSI AL-HIKMAH : PENDIDIKAN KARAKTER BERASASKAN NILAI

Buku ini memberikan satu mod alternatif pendidikan karakter bagi sekolah-sekolah Islamik swasta yang melaksanakan dua kurikulum, iaitu kurikulum diniyah dan kurikulum akademik. Ia bermula dengan isu dan permasalahan yang ada di sekolah Islamik untuk membawa pengajaran dan pembelajaran ke matlamat tauhidik dengan ilmu yang bersifat holistik, komprehensif dan bersepada. Secara tuntasnya ia merupakan satu usaha berterusan dalam proses Islamisasi ilmu dalam pendidikan di sekolah. Pendidikan karakter berasaskan nilai bersandarkan kepada 14 Nilai Al-Hikmah dari Surah Luqman: (12-19) dan 9 kompetensi karakter Al-Hikmah untuk melahirkan pelajar seperti yang diaspirasikan dalam Falsafah Pendidikan Al-Hikmah, iaitu melahirkan hamba Allah dan khalifah Allah yang beramal salih dengan peribadi Rabbbani yang terpadu. Pemikiran dalam gagasan tauhidik dan ummatik dicerakinkan sehingga pelaksanaan pengajaran di dalam amalan bilik darjah. Ia memberikan satu penyelesaian praktikal dalam membawa kurikulum kebangsaan dan kurikulum diniyah dalam matlamat kesatuan dan kesepaduan ilmu. Skop pelaksanaan ialah kepada Sekolah Menengah Islamik, Sekolah Rendah Islamik, kelas KAFA dan Prasekolah Islamik di Malaysia.

BOLEH DAPATKAN BUKU INI SECARA ATAS TALIAN DI PAUTAN

<https://kedai.yayasantakmirpendidikan.com>

atau hubungi di talian 03 8926 5853

ABIM SARAN KAJIAN LEBIH MENDALAM HALA TUJU KURIKULUM DAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA PASCA NORMA BAHARU



ABIM merujuk kepada Kenyataan Rasmi Menteri Kanan Pendidikan YB. Dr. Radzi Jidin berhubung beberapa rombakan dalam takwim peperiksaan dan sesi persekolahan awam. ABIM menyambut baik keputusan terbaharu untuk menganjukkan peperiksaan awam iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke tarikh 22 Februari 2021. Ini selaras dengan isu-isu kesediaan sekolah, guru, murid, pemeriksa yang kini keseluruhan terkesan dari penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). ABIM juga menyambut baik penjadualan semula murid Tingkatan 1, 4, 5, dan 6 dan semua sekolah rendah iaitu pada 8 Mac 2021.

Walau bagaimanapun, ABIM berpandangan sesi operasi untuk TASKA dan TADIKA seharusnya boleh bermula secara fizikal bermula 20 Januari 2021. Dalam masa sama, ABIM ingin menegaskan isu besar yang melibatkan jaringan internet dan peranti harus dititikberatkan supaya seluruh murid terutama di luar bandar dan Kelompok B40 dapat memperoleh kemudahan pembelajaran di rumah.

Dalam masa sama, ABIM juga ingin mengenangkan kerisauan ibu bapa akan isu-isu kesihatan mental dan sosial yang tidak dinafikan akan bertambah apabila tiada pengawasan yang baik seperti keadaan sedia ada. ABIM berharap agar pihak KPM dapat mengkaji semula hala tuju dan penajaran kurikulum serta sistem pendidikan di Malaysia secara keseluruhan dalam era norma baharu ini yang sewajarnya, tahun 2020 dapat memberikan pengalaman dan iktibar jangka panjang, khususnya ketika Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) akan memasuki fasa terakhir dan fasa yang paling penting.

ABIM memahami anjakan demi anjakan perlu dibuat memandangkan keperluan memenuhi penguatkuasaan PKPB demi mengekang penularan wabak Covid-19 namun ia perlu kepada satu garisan dan penajaran kurikulum yang tuntas bagi memudahkan semua pihak.

Radin Muhd Imaduddin Radin Abdul Halim
Naib Presiden
Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
8 November 2020 / 22 Rabiul Awal 1442H

Sidang Redaksi

Penasihat

Hj. Mohd Musleh Yunos

Ketua Editor

Hj. Samian Mohd Ali

Timb. Editor

Hj. Mohamad Khailani Jalil

Editor Kerja

Hjh. Nur Jannah Keman
Suhaili Husin
Khairani Thanin
Mohd Fitri Amir Shoodi
Che Abd Fatah Che M. Nor
Syahirah Zamasry

Susunatur Grafik

Khairul Anuar M. Ariffin

Penerbit

Yayasan Takmir Pendidikan
No. 21 Jalan 7/1B, Seksyen 7,
43650 Bandar Baru Bangi
Emel:
yayasantakmir@gmail.com
Tel: 03-89265853 / 03-89202308
Fax: 03-89201788

LAWATAN KETUA PENGARAH YTP KE DARUL ILMI

Rabu 16 Disember 2020, Ketua Pengarah YTP Tuan Hj. Mohd Musleh Yunos bersama Tuan Hj Muhammad Khailani Abd Jalil (Timbalan Ketua Pengarah) dan Hj Samian Mohd Ali (Pengarah Pengurusan dan Kewangan) telah mengadakan lawatan rasmi sempena MAJLIS RESTU ILMU Pusat Tahfiz Sains Darul Ilmi, Segamat, Johor.

Sempena lawatan tersebut Ketua Pengarah telah mengadakan pertemuan dengan semua pelajar pada sebelah petang dan sebelah malam MAJLIS RESTU ILMU telah berlangsung manakala keesokan harinya pertemuan dengan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) .


Ketua Pengarah telah mengingatkan para pelajar supaya menumpukan aspek hafalan dan ilmu akademik sebagaimana yang diharapkan oleh ibubapa masing-masing. Di samping itu para pelajar hendaklah aktif dalam aktiviti ko kurikulum termasuk aktiviti kemahiran diri seperti bercucuk tanam, menternak dan sebagainya yang membolehkan mereka berdikari pada masa hadapan.



Dalam MAJLIS RESTU ILMU 3 orang pelajar telah menamatkan hafalan 30 juzuk iaitu seorang lelaki dan 2 orang perempuan. Ustaz Ahmad bin Idris al-Hafiz telah menyampaikan lafadz pengijazahan kepada pelajar-pelajar tersebut. Ustaz Haji Zaini bin Mohsin selaku mudir Pusat Tahfiz ini dalam ucapannya memaklumkan, bahawa Pusat Tahfiz ini telah dikategorikan sebagai Pusat Tahfiz terpilih daripada 7 buah Tahfiz di negeri Johor. Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kecemerlangan kategori hafazan dan akademik kepada para pelajar.

Laporan : Hj. Samian Mohd Ali

JURNAL PENDIDIKAN ISLAM




Jurnal Pendidikan Islam (JPI) bermula jilid 23 telah diterbitkan anjuran bersama Kolej Darul Hikmah, Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) dan UNISEL. Dr. Ghazali dan Prof. Dr. Wan Ibrahim Wan Ahmad dilantik sebagai Editor Perunding dan Prof. Dr. Zainab Ismail kekal sebagai Ketua Editor bagi penggal ke dua. Lembaga Penasihat Antarabangsa iaitu Prof. Dr. Oekan S. Abdoellah (Univ. Padjadjaran, Indonesia) dan Dr. Salmijah Surif (Ketua Pegawai Eksekutif, KDH). Tujuh orang Sidang Editor dilantik iaitu Prof. Madya Dr. Mariam Abd. Majid, Dr. Rosidah Jemain, Tn. Hj. Abd. Rahman Yasin, Tn. Hj. Mohd. Khailani Abd. Jalil, Pn. Hjh. Rohana Kamaruddin, Pn. Hjh. Nur Jannah Keman dan Ust. Mohd. Hasri Harun. Dua orang Editor Kerja iaitu Sdr. Mohd. Kamil Yazid dan Khairul Anuar Mohd. Ariffin. JPI mula diterbitkan oleh Institut Pendidikan Islam (IPI) dan Akademi Kajian Ketamadunan (AKK) dengan kerjasama YTP di mana Dr. Ghazali Basri sebagai Ketua Editor sehingga tahun 2004. YTP telah meneruskan penerbitan JPI bermula tahun 2005 di mana Prof. Dr. Rosnani Hashim (UIAM) dilantik menjadi Ketua Editor dan disambung oleh Prof. Dr. Zainab Ismail (UKM). Jurnal dikeluarkan setahun dua kali. JPI keluaran terkini Jun-Disember 2020 boleh didapati di kedai YTP melalui link <https://kedai.yayasantakmirpendidikan.com/> dengan hanya RM20.00 sahaja. JPI akan diterbitkan juga di portal website.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

GURU TASKI LULUS DALAM SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM3)

Seramai 8 orang guru TASKI daerah Muar dan 4 orang guru TASKI daerah Batu Pahat telah menjalani penilaian dan lulus serta layak memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (SKM3). Semua guru telah dinilai oleh Pegawai Penilai (PP) dan disahkan oleh Pengawali Pengesah Luaran (PPL) yang dilantik oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) iaitu Pn. Sharifah Aini. Penilaian ini di buat di TASKI ABIM Alhidayah, Muar pada 15 dan 16 September 2020.



Contoh Sijil SKM

Jangkaan untuk penilaian kepada guru-guru bagi negeri Sembilan, Selangor, Sabah dan Sarawak akan dibuat selepas selesai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut daerah/negeri masing-masing. Pegawai penilai dari JPK akan menetapkan tarikh yang sesuai untuk guru-guru yang lain dinilai dalam masa yang terdekat.

Banyak perjumpaan tertangguh akibat dari penularan kes Covid-19 yang semakin meningkat. Walaubagaimanapun, guru-guru sentiasa bersemangat dalam menyiapkan portfolio masing-masing dengan menggunakan medium secara maya untuk disemak oleh pegawai penilai yang bertanggungjawab membimbing mereka. Namun demikian bagi penilaian terakhir oleh PPL perlu dibuat secara bersempua agar lebih telus dan efektif untuk memastikan semua guru terampil dan layak untuk memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3.

Laporan : Syahirah Zamasry

MESYUARAT MPYTP

Mesyuarat Majlis Pengurusan YTP (MPYTP) telah diadakan secara maya dengan jayanya pada 24 November 2020 pada jam 9.30 pagi. Seramai 37 orang menyertai mesyuarat ini yang terdiri daripada pengurusan kanan YTP, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengetua dan guru besar SERI dan SEMI ABIM seluruh Malaysia. Antara agenda yang dibincangkan adalah:

Laporan sekolah berkaitan:

- a. Unjuran pelajar, kelas dan Prestasi pendaftaran pelajar 2021.
- b. Isu pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum.
- c. Kewangan, pembangunan dan guru/staf sekolah.
- d. Kalender Akademik 2021.

Bagi mendokong misi jemaah untuk meningkatkan kualiti pendidikan dalam membentuk generasi khyra Ummah dan Ummatan Wasatan, Tn. Hj. Mohd. Musleh Yunos, Ketua Pengarah, YTP telah membentangkan Program Islah Sekolah (PIS). PIS adalah suatu usaha berterusan untuk meningkatkan kemenjadian murid melalui peningkatan kualiti PdP guru dan kepimpinan sekolah secara berautonomi dan terancang berdasarkan budaya inkiri, berkolaboratif dan jaringan. Misi jangka panjang adalah untuk melahirkan ramai ilmuan dan modal insan dalam pelbagai bidang kerjaya di masa hadapan. Dalam memacu misi unggul, lestari dan lebih berdaya saing, khususnya bagi menjamin keberhasilan murid-murid, sekolah perlu diisahkan bagi memberi momentum baru untuk penambahbaikan dan perubahan yang lebih positif. Mesyuarat juga sebulat suara bersetuju Program Ihtifal Kebangsaan SERI/SEMI ABIM (IKSA) tahun 2020 secara bersempua atau dalam talian ditiadakan kerana sekolah masih ditutup dan PKP/PKP/PKPD berlanjutan ekoran pandemik COVID-19 sehingga ke tahun 2021. Banyak program dan aktiviti telah dirancang dalam Taqwim YTP 2021 namun telah diubahsuai mengikut kesesuaian dengan norma baharu.



Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman


MUZAKARAH KHAS MAAHAD TAUFIQIAH DINIAH (MTD), BEHRANG



Maahad Taufiqiah Diniah (MTD), Behrang telah mengadakan muzakarah khas pada 29 Disember 2020, bertujuan untuk menaik taraf MTD dan mentransformasikan MTD kepada sekolah pengkaderan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tn. Hj. Mohd. Musleh Yunos (Ketua Pengarah, YTP), dan ahli mesyuarat ialah Tn. Hj Mahyddin Ashaari (Mantan KP, YTP), Tn. Hj. Mustafa Bakar (Pengerusi YTPN, Perak), Tn. Hj. Mohd. Shapie (Pengerusi LPS, MTD), Tn. Hj. Aziz Musa (Pengetua, MUC), wakil ABIM/WADAH Perak dan En. Zulkifli Daud (Penasihat Pertanian) serta Pengarah-pengarah YTP. Diantara program yang akan dijalankan di sekolah perkaderan ini ialah latihan kepimpinan, hafazan quran disamping memperkayakan aktiviti kurikulum, keusahawanan seperti pertanian, penternakan, pertukangan dan kemahiran soft skill.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

GEM PROJECT MINI WORKSHOP TOKKATSU



GEM Project Mini workshop Siri 1 telah diadakan pada 15 Dis. 2020. Webinar ini membincangkan tentang Tokkatsu persediaan dan SOP pembukaan sekolah norma baharu akibat pandemik COVID-19 di antara sekolah-sekolah di Jepun, Indonesia dan Malaysia. Pembentangan dari negara Jepun adalah Seiji Kasiwaba (Haramachi Elementary School) dan Atsuyoshi Arai (Kamakura Kindergarten). Wakil dari Malaysia adalah Prof. Madya Dr. Mastura Badzis, pensyarah UIAM manakala wakil dari YTP ialah Tn. Radin Imanuddin, Tn. Hj. Khailani Abd. Jalil, Tn. Hj. Ishak Ali Shah dan Pn. Hjh. Nur Jannah Keman. Woekshop ke dua akan diadakan pada bulan Januari 2021.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman



"Wahai anakku! Selalulah berharap kepada Allah SWT tentang sesuatu yang menyebabkan untuk tidak menderhakai Allah SWT. Takutlah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takut (takwa), tentulah engkau akan terlepas dari sifat berputus asa dari rahmat Allah SWT."

PERISTIWA



1. Guru-guru Seri Seremban, Nilai bersama dalam Program Bantuan Covid-19 bersama ABIM Negeri Sembilan.
2. Pertandingan mewarna sempena sambutan Maulidur Rasul di SERI Al Ummah, Taiping Perak.
3. Program Multaqa Pegawai Pendidikan ABIM Negeri Sembilan bersempena Muktamar ABIM Negeri Sembilan.
4. Penyampaian Hadiah Pertandingan Doodle Sempena Maulidur Rasul di SERI Ad Diniah, Sg. Bakap Pulau Pinang.
5. Anugerah Sekolah Terbaik UPKK Daerah Seremban 2019.
6. Dialog HELWA Mengenai Pembelajaran Atas Talian. Moderator Nur Afiqah Bersama Pelajar-Pelajar Seri ABIM.

Tahniah

KEPADА SERI SEREMBAN NILAI ATAS
• ANUGERAH SEKOLAH TERBAIK UPKK DAERAH SEREMBAN 2019 •
BAГI KATEGORI SEKOLAH RENDAH ISLAM

5

Dialog HELWA
Istimewa Hari Kanak-kanak Sedunia
20 Nov. 2020 Jumaat 3.30 petang

Panel Syed Faris Zikry Syed Zainal SERI ABIM Sg. Ramal
Panel Aishah Humaira Jufitri SERI Seremban, Nilai
Panel Nur Diana Aleesa Abdullah Darul Ummah Akadem & Tahfiz
Moderator Nur Afiqah Tajuddin NYD HELWA ABIM Selangor

Pembelajaran Atas Talian: Cabaran & Keberkesan

6

Cikgu Maimunah Ropar

Lebih dikenali dengan nama Cikgu Maimunah di lahirkan di sebuah dusun buah-buahan Kampung Pengkalan Arang, Kuala Terengganu pada tahun 1958. Dibesarkan oleh datuk dan nenek akibat perpisahan ibu dan bapa. Bersekolah di sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal dari tahun 1965 hingga 1970, manakala 1971 hingga 1973 bersekolah di sekolah Agama Tok Jiring (sekolah Haji Abas). 1974 hingga 1977 melanjutkan pelajaran di Sekolah Asrama Penuh, Kolej Islam Kelang, Selangor. 1978 hingga 1980 melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dalam bidang ekonomi dengan biasiswa RISDA.



Keberadaan dalam pusingan ganas kemiskinan menjadikan beliau seorang yang berjiwa cekal penuh empati. Bagaimana seorang kanak-kanak sekolah rendah terpaksa mencari rezeki dalam bidang pertanian untuk menampung perbelanjaan persekolahan walaupun pendapatan hanyalah lebih kurang 50 sen seminggu. Insiden-insiden menyayat hati beliau di zaman persekolahan seperti diturunkan kelas kerana gagal membeli buku tulis, dirotan kerana gagal membayar yuran persekolahan menjadian beliau lebih berempati dengan penderitaan orang lain. Oleh kerana beliau secara konsistennya menjadi pelajar terbaik sekolah, beliau telah terpilih mewakili sekolah menduduki peperiksaan ke sekolah asrama penuh. Dengan takdir Allah, beliau gagal dalam peperiksaan tersebut. Pilihan yang dianggap terbaik pada masa itu adalah sekolah Inggeris di bandar, namun ia adalah mustahil bagi seorang pelajar miskin. Pilihan seterusnya sekolah menengah kebangsaan, namun tambang bas pula menjadi penghalang. Hanya satu pilihan yang ada, sekolah Arab Haji Abas (yang dianggap paling koman pada masa itu). Itulah takdir yang beliau syukuri. Ia membuka jalan untuk beliau memahami bahasa Arab dan Pendidikan Islam dengan lebih mendalam. Ia juga membolehkan beliau menyambung pelajaran ke Kolej Islam Kelang. Dari sebuah perkampungan miskin tanpa bekalan letrik dan air, ke sekolah asrama penuh yang serba lengkap dilalui dengan penuh rasa syukur yang diterjemahkan dengan komitmen yang terbaik ke atas pembelajaran. Hasilnya beliau menjadi salah seorang pelajar yang menerima anugerah pelajar terbaik di dalam peperiksaan SPM dan juga STPM yang melayakkan menyambung pelajaran ke Fakulti Ekonomi Universiti Malaya. Tahun 1978, Universiti Malaya masih elergik dengan usrah dan tudung, namun usaha keras kakak-kanak senior dari PKPIM, di samping asas pendidikan Islam dari keluarga dan sekolah, beliau terus saja bertudung sebaik sahaja mengikuti usrah secara sembunyi-sembuni. Kedekatan Universiti Malaya dengan Yayasan Anda juga memberi impak yang tinggi dalam membina keterikatan dengan jamaah PKPIM dan ABIM. Rasa cinta dan kasih kepada gerakan Islam selalu disemarakkan oleh Presiden ABIM yang juga Pengetua Yayasan Anda Saudara Anwar Ibrahim dalam program-program yang diadakan, sama ada di dalam kampus atau di Yayasan Anda sendiri. Bukan mudah bagi seorang mahasiswa melalui kehidupan dakwah di kampus yang masih diselubungi budaya hedonism. Setiap malam beliau akan memimpin usrah dari kolej ke kolej, manakala masa makan tengah hari pula bergilir-gilir di surau-surau fakulti sastera, perubatan atau kejuruteraan. Pada awalnya beliau terikut-ikut juga dengan kumpulan Al Arqam, tetapi akhirnya dapat membezakan yang mana lebih baik untuk kehidupan dunia akhirat.

Menurut Cikgu Maimunah, apabila mahasiswa bertudung semakin ramai aktiviti usrah dan nadwah kepimpinan semakin rancak, pihak universiti menunjukkan rasa tidak senang mereka dengan membuat pelbagai sekatan dan tindakan. Kolej-kolej yang suraunya aktif, dihantarkan pengetua yang berusaha mencari jalan melumpuhkan gerakan dakwah. Disebabkan beliau pernah menjemput seorang penceramah luar di surau dan tidak mahu menyertai majlis penutup orientasi yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti maksiat, beliau telah diisitiharkan sebagai "lebih merbahaya daripada kominis" oleh pengetua kolej di hadapan semua penghuni kolej. Begitu juga di Falkulti, bukan sedikit kesusahan terpaksa ditanggung, namun beliau berjaya bergraduasi pada tahun yang dijadualkan. Selaku pemegang biasiswa RISDA, beliau terikat untuk bekerja dengan RISDA sekurang-kurangnya lima tahun. Namun, kecintaannya kepada dakwah dan tarbiah, menjadikan beliau tidak selesa dengan tugas di pejabat. Justeru memohon untuk RISDA lepaskan beliau untuk menjadi guru, tambahan pula bertemu jodoh dengan seorang guru. Beliau memasuki semula Universiti Malaya untuk membuat Diploma Pendidikan pada tahun 1982, seterusnya mengajar di Sekolah Alam Shah Cheras. Keberadaannya di Lembah Kelang membolehkan terlibat aktif dengan aktiviti HELWA Pusat terutama usrah mingguan, juga ABIM Sungai Besi. Dengan semangat dakwah, beliau mohon pulang ke kampung sendiri, Kuala Terengganu untuk bersilat di gelanggang sendiri, maka disinilah bermulanya perjuangan sebenar. Bukan mudah untuk menjadi "ummatan Wasata-Umat Teras" kerana para pendakwah selalu diletakkan di pinggiran, lebih-lebih lagi di negeri Terengganu di mana persoalan parti politik apa yang didokong mengatasi apa yang hendak disampaikan. Politik bila-bila dan di mana-mana. Inilah jihad, terpaksa menapak perlahan-lahan, namun kekal beritiqaamah. Dengan inayah Allah, yang asalnya guru mata pelajaran Ekonomi-perdagangan serta Kemahiran Hidup beliau beralih arah ke Pendidikan Prasekolah sebaik sahaja terpilih menjadi pensyarah di Maktab Perguruan (kini dikenali sebagai Institut Pendidikan Guru). Dengan penuh rasa tanggung jawab, beliau mula mendalami ilmu Pendidikan awal kanak-kanak dengan menggabungkan teori dan ilmu dari Pendidikan Barat dengan khazanah peninggalan Islam. Ujar beliau, "Tarbiyah ABIM yang berasaskan budaya ilmu melalui kegiatan utamanya usrah dan tamrin menjadikan setiap ahlinya menjalani kehidupan berkeluarga dan berkerjaya berasaskan keyakinan yang benar, tanpa memisahkan dunia dan akhirat. Ini menjadikan kita berdaya saing dan berdaya juang, bukan sahaja berfungsi di tempat kerja, malah sering dijemput ke seluruh negeri untuk memberi ceramah mengenai Pengajaran dan pembelajaran, motivasi pelajar, kebu bapaan malah ceramah-ceramah untuk hari-hari kebesaran Islam."

Penglibatan beliau dalam Program Pendidikan Prasekolah di Maktab Perguruan merangsang beliau untuk menuju TASKI ABIM iaitu Taski Dar Hikmah Tok Jiring, Kuala Terengganu bersama dengan YDP Abim pada masa itu. Walaupun beliau telah memilih untuk bersara awal pada tahun 2012, namun meneruskan penglibatan di dalam program Pendidikan jamaah, serta program-program Pendidikan awal kanak-kanak di beberapa universiti tempatan dan juga Program Permata Negara. Selain dari penglibatan dalam program Pendidikan jamaah, Cikgu Maimunah juga secara konsisten mengikuti program usrah dan tarbiyah bermula dengan usrah HELWA di Yayasan Anda, usrah Helwa Sungai Besi seterusnya Usrah Helwa dan kini Usrah SALWA Negeri Terengganu. Beliau pernah memegang jawatan Ketua Helwa ABIM Terengganu pada tahun 2000 hingga 2002 dan ketua SALWA WADAH Terengganu mulai 2010 hingga kini. Selain terlibat dengan NGO ABIM dan WADAH, beliau juga pernah menjadi Pengurus Salimah Terengganu, mengetuai Kluster Pendidikan MAIM Terengganu serta menjadi AJK PERDASAMA Terengganu. Mulai pertengahan tahun 2016, di atas asbab memenuhi permintaan sahabat jamaah, beliau mula menceburkan diri dalam perniagaan dengan menanam dan memproses pokok moringa olierfera untuk menjadi pelbagai produk kesihatan. Sehingga kini beliau adalah CEO MR Moringa Sdn. Bhd. Dalam usia berbakti, beliau berhasrat untuk mewariskan legasi ini kepada anak-anak supaya perniagaan yang diwariskan dapat membantu ummah mengembangkan dakwah Islamiyah dan dapat membantu mengeluarkan ummah dari pusingan ganas kemiskinan.

Laporan : Suhaili Hussin



Buletin keluaran Yayasan Ta'mir pernah diterbitkan dalam bentuk tidak berkala sebelum 2015. Amat sukar untuk ditelusuri bilakah ianya bermula dan berapa kali telah diterbitkan sebelum 2015. Carian dalam fail-fail lama gagal untuk menemuinya. Pada tahun 2015 buletin ini diterbitkan semula di bawah pengurusan yang lebih dinamik. Sistem fail yang belum begitu mantap, bilangan kakitangan yang terhad, sering berlaku pertukaran kakitangan dan penumpuan penyelarasan terhadap institusi pendidikan di bawah seliaan Yayasan Takmir (YTP), yang memang belum begitu kemas, menyebabkan fokus untuk menerbitkan buletin ini secara berkala, belum dapat dilaksanakan.

Adalah amat penting bagi organisasi besar seperti YTP mewujudkan suatu penerbitan rasmi untuk menyebarkan aktivitiannya kepada umum. Di samping itu, perhubungan yang lebih erat di kalangan institusi pendidikan di bawah seliaannya akan menjadi lebih erat. Penerbitan buletin boleh dijadikan sebagai lidah rasmi untuk masyarakat di luar YTP, terutamanya untuk jalinan dalam jamaah. Pada akhir tahun 2014 ditubuhkan satu jawatankuasa untuk mengendalikan penerbitan buletin rasmi YTP. Terbitan ini diberi nama 'Buletin YTP' dengan tag-line 'Cemerlang Terbilang' pada peringkat awalnya. Pada tahun 2015 tiga kali buletin ini berjaya diterbitkan, iaitu pada bulan Mac, Julai dan Disember. Bicara Ketua Pengarah dalam keluaran sulung, Mac 2015, menegaskan bahawa setelah beroperasi selama 12 tahun, YTP akan terus komited untuk merancang, memantau, mengurus, menyelaras dan memastikan semua institusi pendidikan jamaah, yang terdiri daripada Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI), Sekolah Rendah Islam (SERI), Sekolah Menengah Islam (SEMI) dan Kelas Tahfiz berada pada landasan yang betul dan tepat. Hal ini adalah selaras dengan cita-cita dan hasrat Falsafah Pendidikan Al Hikmah yang didokongi, oleh itu sayugia segala aktiviti YTP disebarluaskan dalam satu bentuk penerbitan buletin yang keluar secara berkala.

Pada tahun berikutnya diputuskan supaya diterbitkan sebanyak empat kali setahun iaitu pada bulan-bulan Mac, Jun, September dan Disember. Pada keluaran Jun 2016 dan seterusnya, buletin ini diberi nama 'At Ta'mir' dengan tag-line 'Unik, Cemerlang Terbilang' sesuai dengan visi yang termaktub dalam Rancangan Strategik YTP. Bilangan yang dicetak pada setiap keluaran berjumlah seribu atau lebih sedikit. Edarannya dibuat kepada semua institusi pendidikan di bawah seliaan YTP, agensi jamaah dan kepada peserta bengkel, kursus atau seminar yang dilaksanakan oleh YTP. Di samping diedarkan kepada pelawat YTP dan juga kepada institusi yang YTP membuat lawatan, dalam atau luar negeri. Jika ada lebihan akan diedarkan kepada peserta muktamar WADAH atau ABIM. Antara fokus utama yang ditetapkan bagi buletin ini ialah untuk keluaran Mac menumpu hal-hal berkaitan pendaftaran dan kemasukan pelajar baru, keluaran Jun menumpu pada program ihtifal, iaitu pertandingan sukan atau akademik antara SERI dan SEMI di bawah seliaan YTP serta sambutan Hari Guru. Keluaran September selalunya fokus kepada seminar atau konvensyen yang dibuat pada pertengahan tahun, manakala keluaran Disember memberi fokus pada peperiksaan. Secara umumnya, Buletin At Ta'mir memuatkan pelbagai berita dan peristiwa yang berlaku dalam YTP dan institusi pendidikan yang diselianya. Pada masa ini YTP menyelia 16 buah SERI, 10 buah SEMI, 222 buah TASKI dan 25 Kelas Tahfiz. Jumlah murid dan pelajar kira-kira 21,000 dan guru serta kakitangan berjumlah melebihi 1850 orang. Berita-berita tentang pencapaian, perkembangan dan kejayaan dalam majlis ihtifal dan peperiksaan; seminar, kursus dan bengkel; majlis perpisahan, musibah dan kematian, dimuatkan dalam setiap keluaran. Terdapat juga paparan gambar melaporkan pelbagai peristiwa yang dilalui.

Di samping itu, diperkenalkan tokoh pendidikan, sekolah yang diselia dan dimuatkan artikel berkaitan pendidikan. Dari kesemua paparan yang dikeluarkan, secara sepantas lalu pembaca dapat mengetahui aktiviti pendidikan yang dilaksanakan oleh YTP dan institusi pendidikan yang diselianya di seluruh Negara. Daripada 22 terbitan buletin At Ta'mir oleh YTP sejak Mac 2015 hingga September 2020, didapati ada beberapa perkara yang boleh diambil tindakan untuk menambah baik kualiti penerbitannya dan perluasan skop yang boleh dimuatkan. Antaranya ialah:

1. Lebih banyak penyumbang diperlukan, terutamanya dari luar ibu pejabat YTP agar skop berita dapat diperluaskan kepada aktiviti dalam institusi pendidikan.
2. Tokoh pendidikan boleh dimasukkan mereka yang dari luar jamaah, termasuk luar negeri yang menyumbang secara signifikan kepada pendidikan Islam.
3. Untuk menjaga ketepatan waktu edaran, buletin seharusnya siap dicetak seminggu lebih awal dari bulan penerbitannya.
4. Kursus penulisan elok didedahkan kepada siding editor dan mereka yang menyumbang penulisan serta memberi peluang kepada penulis berpotensi.
5. Artikel berkaitan pendidikan yang lebih berasas dan berwibawa dapat memberi lebih pengetahuan dan manfaat kepada khalayak pembaca
6. Boleh dibuat liputan atas keunikan dan kejayaan sekolah di luar skop seliaan YTP, dalam atau luar negeri, yang boleh dijadikan contoh untuk lebih maju.
7. Sistem penyimpanan maklumat secara fizikal dan digital yang berindeks diperlukan supaya tidak berlaku duplikasi maklumat atau artikel yang pernah diterbitkan dan memudahkan kerja carian.
8. Pihak editor perlu bersedia dengan beberapa artikel untuk diterbitkan supaya tidak tercari-cari bahan dan dapat memastikan penerbitan dapat dikeluarkan tepat pada masa yang telah ditetapkan.

**Laporan : Hj. Abd. Rahman Mohd Yasin
(Mantan Ketua Pengarah YTP)**

NARATIF BARU PENDIDIKAN DAN PEMBELAJARAN BERMAKNA

Oleh :

Hj. Mohd Musleh Yunos (Ketua Pengarah YTP)



Manusia merentas zaman dan tamadun terus mencari makna kepada kehidupan. Kehidupan pula sering dikaitkan dengan kesejahteraan hidup dan yang paling asas terkait dengan sandang pangan (pakaian dan makanan). Manakala hirarki tertinggi dalam kehidupan muslim merujuk kepada kehidupan yang sentiasa mendapat perkenan dan keredaan Allah dengan limpah rahmat serta keampunan llahi. Justeru itu, manusia terus bekerja keras memilih jalan hidup yang sesuai dengan keupayaan, latar belakang sosio budaya dan sosio ekonomi lingkungannya.

Dalam tamadun moden, manusia memilih wahana pendidikan samada secara formal atau tidak formal untuk membangun minda dan mengasah kemahiran bagi memenuhi kesempurnaan hidup. Oleh itu, Pendidikan merentas zaman berkembang memenuhi keperluan manusia, tetapi malangnya kebelakangan ini fokus lebih tertumpu kepada tujuan kerjaya semata-mata dan menjadikan peperiksaan sebagai matlamat utama persekolahan.

Sekolah dan operasi pendidikan telah bergerak pantas sehingga mengabaikan keperluan kehidupan hakiki manusia itu sendiri yang akhirnya melahirkan manusia terpelajar tetapi tidak terdidik sepenuhnya. Tumpuannya hanya kepada pembangunan minda manakala pembangunan watak kurang diberi perhatian bahkan sangat diabaikan. Walhal setiap pelajar memiliki potensi watak berlainan yang perlu di pupuk dan disuburkan supaya berkembang secara sepadu untuk keperluan kerjaya dan kehidupan berkeluarga serta bermasyarakat. Maka merecuplah generasi yang berotak pintar tetapi jiwanya kosong, mindanya beku dan wataknya kaku. Tersasar daripada matlamat unggul keberhasilan pendidikan sebagai mana yang terungkap dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsabah Pendidikan Al-Hikmah.

Guru yang berjiwa pendidik perlu percaya dan berpegang kepada prinsip bahawa setiap murid; memiliki martabat kemanusiaan (*dignity*), berpotensi berkembang: (*potentiality*) dan boleh dididik (*educability*). Guru masa kini sebahagiannya masih terpenjara dengan metodologi pengajaran tradisi, pengajarannya hanya banyak memberi syarahan atau memberi tahu, lantas pelajar tahu kandungan pelajaran dan sarat dengan fakta tapi naif untuk mengaitkannya dengan keperluan kehidupan dan pembentukan keperibadian atau watak.

Perkara yang dasar dalam pendidikan sewajarnya terkait dengan pembentukkan cara berfikir dan cara berperilaku serta menyuburkan akal budi pelajar. Ini seajar dengan keperluan pendidikan dalam era Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0) yang sedang berkembang pesat masa kini. Dalam era IR 4.0 dan selanjutnya kecenderungan manusia ke arah terlalu mengejar kepentasan, kecekapan, kecepatan dan kecerdasan. Ini boleh menjadikan soal kemanusiaan dan keinsanan, keprihatinan, keadilan, kesejagatan, kemesraan dan kesejahteraan boleh diabaikan.

Namun begitu gelombang RI 4.0 begitu kuat dan proses perubahan tidak dapat dielakkan khususnya yang berkait dengan hala tuju, proses dan persekitaran baru pendidikan. Dalam pendidikan era RI 4.0 terdapat beberapa trend baru. Pembelajaran dalam era ini boleh dilakukan pada bila-bila masa samada secara interaktif di kelas, di luar kelas atau secara maya. Pembelajaran akan lebih bersifat individu untuk setiap pelajar sesuai dengan keperluan dan tahap penguasaan mereka. Pelajar juga ke arah memiliki otonomi memilih dalam menentukan bagaimana mereka mahu belajar, alat dan teknik yang mereka gemari dengan hasil pembelajaran yang ditetapkan oleh pihak sekolah/institusi. Termasuk pembelajaran teradun (*blended*) dan *Bring Your Own Device* (Pendekatan bawa peranti anda sendiri).

Dalam era ini pendekatan pembelajaran berdasarkan projek menjadi semakin relevan dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran melalui projek jangka pendek atau panjang yang mendedahkan pelajar dengan pembelajaran langsung melalui pengalaman sejarah dengan prinsip *learning by doing*. Ini memberi peluang kepada mereka mempraktikkan kemahiran organisasi, kolaboratif dan pengurusan masa mereka yang sangat berguna dalam kerjaya akademik dan kehidupan masa depan mereka. Justeru itu dalam naratif baru ini pelajar akan dinilai secara berbeza dan platform konvensional untuk menilai pelajar akan menjadi semakin kurang relevan. Pengetahuan fakta dapat dinilai semasa proses pembelajaran dan aplikasi pengetahuan itu dapat diuji semasa mereka melaksanakan kerja projek di lapangan.

Persekitaran pembelajaran seumpama ini boleh mendorong pelajar menjadi lebih berdikari (*more independent*) dalam pembelajaran mereka sendiri, sehingga boleh mendorong guru untuk lebih berperanan sebagai fasilitator yang akan membimbing pelajar melalui proses pembelajaran mereka. Iaitu mengalihkan tanggungjawab pembelajaran utama dari tenaga pengajar kepada pelajar (*shift the major learning responsibilities from the instructors to the learners*).

Warga guru harus responsif kepada perubahan ini dan sedia memberi sokongan dan memainkan peranan penting dalam era peralihan ini. Kita memerlukan tumpuan yang lebih kuat kepada guru dan pendidik sebagai ajen perubahan yang menyeluruh. Sebenarnya akan ada lebih banyak perubahan yang akan muncul pada masa akan datang.

Kementerian Pendidikan sendiri telah mengambil langkah lebih proaktif dengan melaksanakan transformasi amalan mendidik dengan mewujudkan Naratif Baru dalam pendidikan masa kini yang memberi fokus kepada pembelajaran berorientasikan perkembangan (*Growth*), pembinaan watak/sahsiah, meningkatkan penguasaan KBAT, pembelajaran berpusatkan murid dan pentaksiran bilik darjah.

Sebagai institusi pendidikan alternatif kepada pendidikan arus perdana, kita sedang giat berusaha memupuk, menanam dan menatarkan pembentukkan karakter atau kompetensi al-hikmah dalam kalangan murid. Pembentukan sifat dalaman seperti sabar, syukur, jujur, ikhlas dan redha serta sifat luaran seperti kerjasama, tanggugjawab, amanah, rajin, berbudi bahasa, malu, rahmah dan penyayang perlu dilaksanakan melalui pendekatan pendidikan bermakna. Dengan pendekatan pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara konvensional mustahil nilai dan kemahiran tersebut dapat dibangun dan disuburkan dengan sebaik-baiknya.

Hasrat ini diharapkan dapat dijelmakan melalui orientasi baru dalam amalan mendidik melalui model pembelajaran bermakna dan berhikmah yang memberi tumpuan kepada pembangunan otak, watak dan sahsiah secara bersepada. Pembelajaran yang bermakna adalah merujuk kepada aktiviti pembelajaran yang menjadikan murid belajar, dan apa yang dipelajari murid tersebut harus mengandungi arti penting bagi dirinya. Natijahnya sehingga menimbulkan minat dan motivasi serta bermanfaat dalam kehidupannya sehari-hari. Untuk mewujudkannya maka penting menghubungkan apa yang akan dipelajari murid dengan pengetahuan asas dan pengalaman sediaada yang telah dimiliki murid. Secara prinsipnya dalam pembelajaran bermakna apa yang dipelajari oleh murid haruslah bermanfaat bagi mereka.

Pembelajaran dikatakan bermakna apabila pembelajaran itu berorientasikan pengembangan potensi diri murid, yang meliputi aspek kognitif (pengetahuan), afektif (nilai dan sikap), dan psikomotor (fizikal dan mental). Pendidikan yang baik dan bermakna pada hakikatnya adalah pendidikan yang mampu membangunkan potensi murid sesuai bakat, minat, dan kemampuan yang dimilikinya, sehingga apabila dewasa mereka boleh berjaya dalam berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa, beragama dan bernegara.

Justeru itu sesuatu pembelajaran yang bermakna akan melekat dalam diri seseorang dalam tempoh yang lama bahkan boleh diingati sepanjang hayat. Perkara tersebut akan menjadi lebih signifikan apabila dikaitkan dengan sesuatu konteks baru pembelajaran atau aktiviti. Pengalaman langsung masa lalu seorang kanak-kanak dalam memupuk kemahiran baru seperti belajar berenang, memanjat, ber basikal, mengacu kueh, menampal baju masih segar dalam ingatan kerana pembelajaran dilakukan secara berproses dan mengikut pengalaman.

Pengalaman covid banyak mengajar kita tentang erti kehidupan dan menyerlahkan kurangnya keberhasilan pendidikan atau persekolahan masa kini. Pengalaman *Lock down* dan PKPD telah menatihahkan semua orang atau komuniti tertentu tidak dibenarkan keluar rumah. Maka timbul pelbagai naratif baru berkaitan kehidupan sebenar nitezen. Dalam rutin kehidupan biasa, kemahiran generik yang asas pun tidak dapat disempurnakan seperti tidak pandai masak, menjahit kain koyak, jauh sekali untuk membaiki paip bocor dan tandas sumbat. Belum lagi bagaimana menyempurnakan tanggungjawab fardu ain seperti mengajar quran dan solat untuk anak isteri. Justeru itu, merujuk pesan orang tua; “pergi sekolah biar jadi orang” adalah pesan yang penuh makna dan hikmah. Belajar supaya boleh menyelesaikan keperluan pengurusan asas kehidupan.

Pendidikan yang bermakna sewajar menjadi pemangkin kepada kesejahteraan kehidupan manusia. Iaitu mendorong ke arah hidup lebih sempurna, memiliki kebijaksaan dalam kehidupan berkeluarga, pandai menjalin hubungan sesama insan dan masyarakat, berupaya membangun secara seimbang aspek mental, spiritual dan fizikal. Menjadi insan terpelajar yang memiliki kemahiran membuat keputusan, menyelesai masalah, memimpin, mengurus diri, membentuk dan mencapai matlamat, memiliki kawalan dalaman dan sikap positif, sopan santun, berhati mulia dan berintegriti. Justeru itu, pendidikan yang baik dan bermakna akan menjamin kepada pembentukan insan soleh yang mampu mengangkat tamadun keinsanan dan pembangunan kemanusiaan sejagat dengan sentiasa menyuburkan budaya zikir dan tabiat berfikir yang positif. Sentiasa mengaitkan setiap aktiviti pembelajaran dengan kehidupan, tadabbur alam dan tuntutan llahi. memiliki tabiat berfikir yang positif serta berintegriti. Bahkan Piagam Unesco turut menggariskan empat tujuan utama pendidikan iaitu belajar untuk mengetahui, belajar untuk melakukan, belajar untuk hidup bersama orang lain, dan belajar untuk menjadi seseorang.

Apa yang boleh kita rumuskan pendidikan akan terus berkembang pesat dan meninggalkan siapa saja yang tidak bersedia untuk berubah. Kita hidup di dunia yang dicirikan oleh perubahan, kerumitan dan penuh persaingan. Justeru itu, kebanjiran pengetahuan yang wujud dalam lebuh raya maklumat adalah sebagai sebahagian daripada warisan kemanusiaan bersama, menjadikan pendidikan dan pengetahuan harus dimanfaatkan bersama dalam dunia global. Oleh itu kita seharusnya sentiasa berlapang dada dan bersifat rahmah dalam menanggapi segala perubahan baru ke arah membangunkan kesejahteraan manusia melalui wahana pendidikan.

Mengenali Sekolah SERI SEREMBAN, NILAI

Penubuhan sekolah SERI Seremban (Cawangan Nilai) ini adalah bermula dari initiatif ibubapa dan penduduk setempat untuk mendapatkan akses kepada sistem pendidikan alternatif bagi peringkat Sekolah Rendah Islam. ABIM melalui agensi pendidikan di seluruh negara telah melakarkan perkembangan yang sangat baik dalam pembinaan karakter dan juga sahsiah pelajar. Justeru, ia menjadi antara pendorong utama pemilihan Sekolah Rendah Islam ABIM oleh penduduk setempat.

Sekolah ini mula beroperasi pada November 2017 dengan permulaan baik pulih dan pembinaan kelas dengan menggunakan dana sumbangan dan sokongan daripada penduduk setempat, warga jemaah WAP Negeri Sembilan, Kelab Dhuha Ustazah Salbiah (Kudhus) serta sokongan dan bantuan daripada Sekolah SRI Seremban. Seterusnya pada sesi persekolahan awal Januari 2018, sesi pembelajaran secara rasmi telah berjalan dan berlangsung sehingga kini. Sekolah ini bukanlah sekolah yang berorientasikan keuntungan tetapi sebagai alternatif kepada ibubapa yang menginginkan sekolah yang merangkumi pendidikan akademik dan diniah dengan kadar yuran yang minimal berkadar dengan ekonomi semasa masyarakat. Sekolah ini turut dibina atas rasa tanggungjawab dan keimbangan terhadap masalah sosial yang semakin meruncing dan keperluan pemantapan moral dan adab bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak lagi.



SERI Seremban (Cawangan Nilai) ini telah berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) di bawah unit Sekolah Rendah Islam Swasta dengan kod sekolah NJJ 4005 pada 8 Ogos 2018. Sekolah ini beralamat di Nombor 127, Jalan Nilai Square 3, Nilai Square, Nilai Negeri Sembilan. JHEAINS turut menukar nama sekolah kepada SERI Seremban, Nilai dengan mengikut SOP pendaftaran sekolah. Seri Seremban, Nilai di peringkat awalnya bermula dengan kekuatan 8 orang guru, seorang staf pengurusan serta 78 pelajar. Alhamdulilah, memasuki tahun ke tiga pengoperasian sekolah, guru telah meningkat kepada 14 orang, staff seramai 3 orang dan jumlah pelajar seramai 145 orang. Fasiliti juga telah ditambah baik dari masa ke semasa dengan bantuan yang diperolehi daripada JAKIM dan juga Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

PENCAPAIAN SEKOLAH

- Tempat Ketiga Anugerah Sekolah Terbaik Daerah Seremban (UPKK 2019) oleh Pejabat Pendidikan Daerah Seremban
- Anugerah Khas UPKK Terbaik Daerah Seremban (2019) dalam Majlis Multaqa Petugas Jemaah ABIM 2020
- Tempat ketiga pencapaian SPRA 2019 peringkat Yayasan Takmir Pendidikan Pusat

JUMLAH PELAJAR					
JUMLAH 2018		JUMLAH 2019		JUMLAH 2020	
THN 1	20	THN 1	28	THN 1	28
THN 2	20	THN 2	21	THN 2	27
THN 3	17	THN 3	26	THN 3	23
THN 4	9	THN 4	22	THN 4	28
THN 5	7	THN 5	17	THN 5	23
THN 6	5	THN 6	10	THN 6	16
JUMLAH	78	JUMLAH	124	JUMLAH	145

Laporan : Suhaili Hussin